# KSSM

# Nota Kimia

# Tingkatan 4

## *Bab 4 Jadual Berkala Unsur*



***Nama:*** ________________________________

Disediakan Oleh:

# BAB 4 JADUAL BERKALA UNSUR

## 4.1 Perkembangan Jadual Berkala Unsur

| Antoine Lavoisier | Johann W.Dobereiner | John Newlands | Lothar Meyer | Dmitri Mendeleev | Henry Moseley |
|---|---|---|---|---|---|
| Unsur dikelaskan kpd 4 kumpulan mengikut sifat kimia yg sama | 3 unsur yg sifat kimia sama diletak dlm kumpulan yg sama(triad) | Disusun mengikut pertambahan jisim atom. Hukum Oktaf | Memplot graf isi padu atom melawan jisim atom unsur. | Unsur dengan sifat kimia yg sama dlm kump sama. Ruang kosong utk unsur baharu | Menyusun unsur mengikut tertib nombor proton yang menaik |

## 4.2 Susunan Unsur dalam Jadual Berkala Unsur Moden

1. Jadual Berkala Unsur moden:




2. Unsur dalam Jadual Berkala Unsur disusun mengikut **tertib nombor proton** yang **menaik**.
3. Setiap lajur dinamakan **kumpulan** (1 hingga kumpulan 18)

| Kumpulan 1 = **logam alkali** | Kumpulan 17 = **Halogen** | Kumpulan 18 = **Gas adi** |
|---|---|---|

4. Setiap baris mendatar dinamakan **kala** ( kala 1 hingga kala 7)
5. Bilangan **petala** yang berisi elektron menentukan kedudukan **kala**
6. Bilangan **elektron valens** dalam satu atom menentukan kedudukan **kumpulan**

| Number of valence electron | Group |
|---|---|
| 1 | 1 |
| 2 | 2 |
| 3 | 13 |
| 4 | 14 |
| 5 | 15 |
| 6 | 16 |
| 7 | 17 |
| 8 | 18 |

Atom unsur X mempunyai nombor proton 15.
Atom unsur X terletak di

Susunan elektron atom X:2.8.5

Bilangan elektron valens: ___5_____ Kumpulan _15__

Bilangan petala berisi elektron: _3__ Kala __3__

7. Kumpulan 3 hingga kumpulan 12 dinamakan sebagai **unsur peralihan**.
8. Unsur-unsur dalam kumpulan yang sama
   - mempunyai sifat kimia yang sama (bilangan elektron valens yg sama)
   - Sifat fizik berubah secara beransur-ansur apabila menuruni kumpulan.

## 4.3 Unsur Kumpulan 18 (Gas adi)

| Unsur Kumpulan 18 | Formula | Nombor proton | Susunan elektron |
|---|---|---|---|
| Helium | He | 2 | 2 |
| Neon | Ne | 10 | 2.8 |
| Argon | Ar | 18 | 2.8.8 |
| Kripton | Kr | 36 | 2.8.18.8 |
| Xenon | Xe | 54 | 2.8.18.18.8 |
| Radon | Rn | 86 | 2.8.18.32.18.8 |

**Sifat fizik**

1. Tidak berwarna pada suhu bilik.
2. Takat lebur dan takat didihnya rendah.
3. Tidak mengalirkan arus elektrik.
4. Tidak larut di dalam air.
5.

He
Ne
Ar
↓

Takat lebur dan takat didih **meningkat** apabila menuruni Kumpulan 18.
i) Saiz atom unsur semakin bertambah.
ii) Daya tarikan antara atom menjadi semakin kuat
iii) Lebih banyak tenaga haba diperlukan untuk mengatasi daya ini.

**Sifat Kimia**

1. Semua gas adi bersifat tidak reaktif (sifat lengai) dan sangat stabil.
2. Atom Helium mempunyai susunan elektron duplet ( 2 $e^-$ ),
   yang lain mempunyai susunan elektron oktet ( 8 $e^-$ )
3. Atom gas adi tidak menderma, tidak menerima dan tidak berkongsi elektron dengan atom unsur lain.
4. Gas adi ialah **gas monoatom**.

**Kegunaan**

| | |
|---|---|
| Helium | Diisikan ke dalam belon kaji cuaca<br>Digunakan di dalam tangki oksigen penyelam |
| Neon | Digunakan di dalam lampu papan iklan |
| Argon | Diisikan ke dalam mentol elektrik<br>Membekalkan atmosfera lengai dalam kerja mengimpal pada suhu yang tinggi |
| Kripton | Digunakan di dalam lampu denyar kilat pada kamera<br>Digunakan di dalam laser untuk rawatan retina mata |
| Xenon | Digunakan di dalam lampur rumah api<br>Digunakan dalam ubat bius |
| Radon | Digunakan untuk merawat kanser |

# 4.4 Unsur dalam Kumpulan 1 (logam Alkali)

| Unsur-unsur Kumpulan 1 | Formula | Nombor proton | Susunan elektron |
|---|---|---|---|
| Litium | Li | 3 | 2.1 |
| Natrium | Na | 11 | 2.8.1 |
| Kalium | K | 19 | 2.8.8.1 |
| Rubidium | Rb | 37 | 2.8.18.8.1 |
| Sesium | Cs | 55 | 2.8.18.18.8.1 |
| Fransium | Fr | 87 | 2.8.18.32.18.8.1 |

**Sifat fizik**

1. Logam yang lembut dan mempunyai permukaan kelabu yang berkilat
2. Logam boleh mengalirkan arus elektrik.
3. Ketumpatan rendah
4. Takat lebur & takat didih yang rendah berbanding dengan logam lain
5. Apabila menuruni Kumpulan 1, kekerasan, takat lebur & didih semakin berkurang.

**Sifat kimia – logam reaktif**

1. Unsur-unsur dalam Kumpulan 1 mempunyai sifat kimia yang serupa
   (kerana semua atom logam alkali mempunyai **1 elektron valens**)
2. Dalam tindak balas kimia, setiap atom unsur **menderma satu elektron** untuk mencapai susunan elektron oktet atau duplet yang stabil.
3. Apabila **menuruni** Kumpulan 1, tindak balas antara logam alkali dengan air menjadi **semakin reaktif**.

- Li
  Na
  K
  ↓

Kereaktifan semakin bertambah apabila menuruni Kumpulan 1
i) Saiz atom unsur bertambah
ii) Jarak antara nukleus dengan elektron semakin jauh
iii) Daya tarikan antara nukleus dengan elektron menjadi lebih lemah
iv) Atom lebih mudah melepaskan 1 elektron.

**Tindak balas Kimia:**

| | | |
|---|---|---|
| Logam alkali bertindak balas dengan **air** | $2Na + 2H_2O \rightarrow 2NaOH + H_2$<br>natrium air natrium hidroksida hidrogen gas<br>(Larutan beralkali) |  |
| Logam alkali bertindak balas dengan **oksigen** | $4Na + O_2 \rightarrow 2Na_2O$<br>natrium oksigen natrium oksida<br>(pepejal putih)<br><br>$Na_2O + H_2O \rightarrow 2NaOH$ |  |
| Logam alkali bertindak balas dengan **klorin** | $2Na + Cl_2 \rightarrow 2NaCl$<br>natrium Klorin natrium klorida<br>(pepejal putih) | |

## 4.5 Unsur-unsur Kumpulan 17 (halogen)

| Unsur | simbol | Nombor proton | Susunan elektron | Keadaan fizik | Kegunaan |
|---|---|---|---|---|---|
| Fluorin | F | 9 | 2.7 | Gas Kuning muda | |
| Klorin | Cl | 17 | 2.8.7 | Gas Kuning kehijauan | Peluntur |
| Bromin | Br | 35 | 2.8.18.7 | Cecair perang | Pemadam api |
| Iodin | I | 53 | 2.8.18.18.7 | Pepejal hitam keunguan | Disinfektan |

**Sifat fizik**

1. Takat lebur dan takar didih yang rendah
2. Tidak mengalir elektrik
3. Warna bertambah gelap menuruni kumpulan

- $F_2$
  $Cl_2$
  $Br_2$
  ↓

Takat lebur dan takar didih **bertambah** apabila menuruni Kumpulan 17
i) Saiz molekul unsur semakin bertambah
ii) Daya tarikan antara molekul semakin kuat.
iii) Lebih banyak tenaga haba diperlukan untuk mengatasi daya ini.

**Sifat Kimia**

1. Unsur-unsur dalam Kumpulan 17 mempunyai sifat kimia yang serupa (mempunyai **7 elektron valens**)
2. Dalam tindak balas kimia, atom halogen **menerima 1 elektron** untuk mencapai susunan elektron oktet.
3. Wujud sebagai molekul **dwiatom** ($Cl_2$, $Br_2$, $I_2$)

- F
  Cl
  Br
  ↓

Kereaktifan **semakin berkurang** apabila menuruni Kumpulan 17
i) Saiz atom unsur bertambah
ii) Jarak antara nukleus dengan elektron semakin jauh
iii) Daya tarikan antara nukleus dengan elektron lebih lemah
iv) Atom **lebih sukar** untuk menerima elektron.

**Tindak balas Kimia:**

| | |
|---|---|
| Halogens bertindak balas dengan air | $Cl_2 + H_2O \leftrightarrows HCl + HOCl$<br>HCl: asid hidroklorik; HOCl: asid hipoklorus<br><br>Air klorin dan bromin mempunyai sifat peluntur<br>(Warna kertas litmus daripada biru kepada merah kepada putih) |
| Halogens bertindak balas dengan larutan natirum hidroksida | $Cl_2 + 2NaOH \rightarrow NaCl + NaOCl + H_2O$<br>NaCl: natrium klorida; NaOCl: natrium chlorat(I); $H_2O$: air |
| Halogens bertindak balas dengan ferum yang panas | $2Fe + 3Cl_2 \rightarrow 2FeCl_3$<br>Ferum(III) klorida<br>(perang) |

## 4.6 Unsur dalam Kala 3

Apabila merentasi Kala 3,

| Unsur kala 3 | Na | Mg | Al | Si | P | S | Cl | Ar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Nombor proton | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 |
| Susunan elektron | 2.8.1 | 2.8.2 | 2.8.3 | 2.8.4 | 2.8.5 | 2.8.6 | 2.8.7 | 2.8.8 |

→

**Saiz atom unsur semakin berkurang**
1. Bilangan proton semakin bertambah
2. Cas positif pada nukleus semakin bertambah
3. Daya tarikan antara nukleus dan elektron semakin kuat

**Sifat keelektronegatifan semakin bertambah**
1. Cas positif pada nukleus bertambah
2. Saiz atom semakin kurang
3. Daya tarikan antara nukleus dan elektron semakin kuat

( Keelektronegatifan- ukuran kekuatan atom untuk menarik elektron ke arah nukleusnya)

Eksp sifat kimia oksida unsur apabila merentasi Kala 3.




**Keadaan fizik**

| Na | Mg | Al | Si | P | S | Cl | Ar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pepejal | | | | | | Gas | |

**Sifat kelogaman**

| Na | Mg | Al | Si | P | S | Cl | Ar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Logam | | | Separa logam | Bukan logam | | | |

**Sifat keasidan Dan Kealkalian**

| $Na_2O$ | $MgO$ | $Al_2O_3$ | $SiO_2$ | $P_4O_{10}$ | $SO_2$ | $Cl_2O_7$ | Ar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Oksida bes | | Oksida amfoterik | Oksida asid | | | | Neutral |

## 4.7 UNSUR PERALIHAN

1. Unsur peralihan terletak di antara Kumpulan 2 hingga Kumpulan 13 dalam Jadual Berkala Unsur.

2. Sifat unsur peralihan:
   - i) Pepejal yang berkilat
   - ii) Sangat keras berbanding dengan logam dalam Kump 1 dan 2
   - iii) Ketumpatan yang tinggi
   - iv) Takat lebur dan takat didih yang tinggi

3. Empat ciri istimewa unsur peralihan:
   - i) membentuk ion atau sebatian berwarna ( $Fe^{2+}$ hijau , $Fe^{3+}$ perang, $Cu^{2+}$ biru)
   - ii) membentuk ion kompleks
   - iii) mempunyai lebih daripada satu nombor pengoksidaan. ($Fe^{2+}$ , $Fe^{3+}$ ; $Cu^{+}$ , $Cu^{2+}$ )
   - iv) berfungsi sebagai mangkin
   - ~ Vanadium (V) oksida: proses Sentuh
   - ~ Besi : proses Haber
   - ~ Nikel: Penghidrogenan alkena
   - ~ Platinum : proses Ostwald (untuk menghasilkan asid nitrik, $HNO_3$)

*Disediakan oleh:Lee Kuan Yuin*